



KENYATAAN MEDIA

‘JOM KERJA’ MULAKAN LANGKAH DENGAN SESI PROFILING DI KALANGAN WARGA KOTA

KUALA LUMPUR – Program Jom Kerja anjuran **Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)** merupakan satu inisiatif untuk membantu warga kota terutamanya golongan B40 atau mana-mana individu yang memerlukan bantuan Perkhidmatan Pekerjaan PERKESO bagi mendapatkan pekerjaan terutama mereka yang terkesan dengan krisis pandemik COVID-19.

Jom Kerja dimulakan dengan **Program Persediaan Temu duga – Sesi Profiling** dengan tujuan untuk mendapatkan maklumat industri dan jenis pekerjaan yang diperlukan oleh pencari-pencari kerja di sekitar kawasan Projek Perumahan Awam dan Projek Perumahan Rakyat (PA/PPR) di Kuala Lumpur.

Sesi Profiling yang berlangsung dari jam **9 pagi hingga 4 petang** hari ini diadakan di **24 lokasi di PA/PPR** yang merangkumi **6 lokasi di PA/PPR Parlimen Titiwangsa; 2 lokasi di Parlimen Setiawangsa; 3 di Parlimen Lembah Pantai; 6 di Parlimen Bandar Tun Razak, 5 di Parlimen Batu, manakala 1 lokasi masing-masing di Parlimen Seputeh dan Cheras.**

Modul Program Jom Kerja ini meliputi **Program Persediaan Temu duga – Sesi Profiling, Bengkel Kebolehpasaran dan Temu duga Terbuka.** Program pada hari ini akan disusuli dengan **Karnival Pekerjaan yang dijangka bakal berlangsung pada 11 April 2021.**

Program Jom Kerja telah mendapat **kerjasama erat Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) Wilayah Pejabat Perdana Menteri dan Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Wilayah, Kementerian Wilayah Persekutuan.**

PERKESO menyeru semua pencari kerja termasuk para graduan, pekerja yang telah kehilangan pekerjaan, lepasan sekolah dan sesiapa sahaja yang ingin mencari pekerjaan supaya menghadiri sesi profiling ini. Mereka juga boleh membuat pendaftaran di pautan <http://bit.ly/PPRKL> bagi membolehkan Pegawai Perkhidmatan Pekerjaan PERKESO membantu mereka.

Selain itu, pencari kerja boleh terus berdaftar di **Portal Pekerjaan MYFutureJobs** yang dikendalikan PERKESO menerusi laman sesawang www.myfuturejobs.gov.my di mana terdapat lebih daripada **180,000 kekosongan jawatan aktif** untuk dipohon dari semasa ke semasa. Pendaftaran pencari kerja di portal ini juga akan membolehkan pepadanan pekerjaan dibuat secara serta-merta.

Orang ramai terutama pencari kerja boleh mengikuti senarai program-program temu duga terbuka yang diadakan oleh Pejabat Sistem Insurans Pekerjaan PERKESO di media sosial Pertubuhan Keselamatan Sosial dan EIS PERKESO.

Program Jom Kerja akan menjelajah ke setiap negeri terutamanya kawasan pedalaman bagi meningkatkan peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia yang memerlukan.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi nombor careline PERKESO 1300-22-8000 atau boleh emel ke perkeso@perkeso.gov.my.

PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)

20 Mac 2021